

Oleh MARIATULQATIAH  
ZAKARIA

maria.zakaria@utusan.com.my



# Khataan beramai-ramai ada risiko

Pelbagai aspek perlu diberi perhatian agar tiada perkara tidak diingini berlaku

**M**USIM cuti sekolah yang masih berbaki beberapa minggu ini sering diwarnai dengan majlis berkhatan beramai-ramai sama ada dianjurkan oleh badan-badan tertentu mahupun persatuan penduduk kawasan kejiranan yang diduduki.

Berkhatan merupakan upacara 'wajib tempuh' bagi kanak-kanak lelaki sebelum melangkah ke alam remaja dan dewasa.

Lazimnya, majlis berkhatan secara beramai-ramai menjadi pilihan sesetengah ibu bapa kerana suasananya lebih meriah yang sedikit sebanyak dapat mengurangkan debaran serta rasa cemas anak yang perlu melalui saat bersejarah itu.

Jika dahulu ramai ibu bapa yang akan membuat majlis berkhatan beramai-ramai di kampung halaman dengan menggunakan khidmat Tok Mudim, tetapi hari ini diganti dengan doktor atau pun pakar perubatan yang bertauliah dan terlatih.

Malah kewujudan Tok Mudim, yang biasanya digambarkan sebagai lelaki tua yang sangat dihormati dalam masyarakat, juga mungkin sudah tidak diketahui oleh kanak-kanak zaman sekarang.

Hari ini senario amalan berkhatan beramai-ramai yang dilakukan di klinik, hospital, dan rumah, telah menggantikan amalan berkhatan tradisional yang dilakukan oleh Tok Mudim.

Walaupun begitu, cara sambutannya masih sama, kanak-kanak terlibat akan dibawa berarak dan diraikan dalam majlis yang dianjurkan dan sebelum mereka dikhatankan, kanak-kanak ini akan disiram air oleh anggota bomba.


Itulah suasana yang berlaku hari ini dan program berkhatan beramai-ramai sememangnya merupakan amalan yang telah dilakukan sejak dahulu lagi.

Begitupun, menurut Timbalan Dekan dan juga Timbalan Pengarah (Sumber Manusia dan Pembangunan), Pakar Perunding Kanan Urologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM (HCTM PPUKM), **Profesor Dr. Zulkifli Md. Zainuddin**, majlis berkhatan beramai-ramai tetap berisiko walaupun diraikan secara meriah dan merupakan tradisi turun-temurun.

Tambah beliau, majlis berkhatan beramai-ramai yang dianjurkan



DR. ZULKIFLI  
MD. ZAINUDDIN



UPACARA khatan merupakan saat mendebarkan untuk ditempuhi bagi kebanyakan kanak-kanak lelaki. - GAMBAR HIASAN

selama ini tidak salah dan bukanlah merupakan satu isu besar, tetapi ibu bapa haruslah mengambil tahu mengenai perjalanan program tersebut sebelum berlangsungnya majlis.

"Apa yang menjadi kerisauan saya hari ini ialah sejauh mana doktor atau pun pembantu perubatan mengetahui bagaimana hendak melakukan proses berkhatan ini.

"Berkhatan sebenarnya satu proses yang mudah dan ringkas tetapi sekiranya ada berlaku komplikasi akan menjadi satu isu besar.

"Di sini bukan saya hendak menyekat mana-mana ibu bapa yang ingin mengkhatakan anak mereka secara beramai-ramai, tetapi mereka dinasihatkan agar mengetahui latar belakang program yang dianjurkan itu kerana sebarang kesilapan yang berlaku boleh menyebabkan anak mengalami kecacatan seumur hidup," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai hal tersebut, Dr. Zulkifli berkata, apa yang merisaukan

dengan situasi tersebut ialah doktor serta kelengkapan dan peralatan yang tidak mencukupi semasa berlangsungnya majlis berkhatan.

Selain itu, tahap kebersihan persekitaran dan keselesaan kanak-kanak juga harus diberikan perhatian bagi mengelak berlakunya jangkitan, walaupun sebenarnya berkhatan tidak perlu dilakukan di dalam bilik bedah mahupun tempat nyah kuman.

Bercakap pula mengenai peralatan yang digunakan, beliau berkata, sepatutnya kesemua peralatan tersebut merupakan peralatan pakai buang, satu set untuk seorang pesakit.

Ini kerana, setiap majlis yang diadakan (luar dari hospital atau klinik), pihak penganjur tiada masa untuk menyah kuman semula segala peralatan yang telah digunakan.

Menyentuh mengenai keupayaan seorang doktor atau pembantu perubatan untuk mengendalikan ramai pesakit pada satu-satu masa, Dr. Zulkifli berkata, semuanya bergantung kepada tahap

kecergasan dan kemampuan seseorang doktor tersebut.

Disebabkan hal-hal inilah, beliau menyarankan agar disediakan doktor dan pembantu perubatan ganti untuk saling membantu.

Selain itu, ibu bapa juga diingatkan agar membuat pemeriksaan kesihatan ke atas anak masing-masing untuk memastikan tiada masalah kesihatan yang dialami bagi mengelak komplikasi seperti hemofilia dan masalah kesihatan sampingan lain berlaku.

Untuk itu, Dr. Zulkifli memberitahu, adalah penting bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah kesihatan dan obesiti (zakar tenggelam) menjalani proses berkhatan di hospital.

Dalam hal ini, kadangkala kanak-kanak tersebut lebih sesuai untuk menggunakan bius penuh dan sekiranya menyertai majlis berkhatan beramai-ramai mungkin akan menyulitkan keadaan.

Pada masa yang sama, beliau menasihati pesakit berjumpa kembali dengan doktor selepas berkhatan mengikut waktu ditetapkan bagi memastikan pemulihan penuh dan mengelakkan komplikasi lain.

Di samping itu, Dr. Zulkifli menjelaskan, terdapat juga kekeliruan dalam kalangan ibu bapa mengenai penggunaan laser dalam proses berkhatan.

"Apa yang dimaksudkan dengan pemotong laser sebenarnya ialah pemotong haba yang 'membakar' bahagian kulit yang ingin dibuang.

"Bagaimanapun, penggunaan laser tidak digunakan untuk proses berkhatan di negara ini, meskipun kaedah ini boleh mengurangkan pendarahan serta dapat mengelak penggunaan pisau atau gunting," tegasnya.

Beliau menyatakan kaedah pemotong haba hanyalah untuk memotong kulit yang ingin dibuang dan baki kulit tetap perlu dijahit.

Bercerita pula tahap penyembuhan selepas berkhatan, menurut Dr. Zulkifli, proses pemulihan bagi setiap kanak-kanak tidak semestinya sama walaupun melalui proses yang serupa.

Beliau menjelaskan, tahap penyembuhan akan mengikut individu dan kebiasaannya hanya mengambil antara lima hari ke seminggu jika tiada masalah.

Asasnya di sini ialah teknik dan juga prosedur yang digunakan semasa proses berkhatan. Dalam hal ini ibu bapa perlu mempersiapkan anak masing-masing untuk menghadapi tekanan sebelum, semasa, dan selepas berkhatan.

Elakkan pengalaman berkhatan menjadi satu detik hitam dalam sejarah hidup anak anda.



DISEMBUR dengan air, menjadi acara yang ditunggu kanak-kanak ketika majlis berkhatan beramai-ramai.